

## KEPUTUSAN TINJAUAN PERSEPSI


### MAKLUM BALAS DAPATAN MAKMAL PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA

**TEMPOH KAJIAN** : Mac sehingga Julai 2016

**GOLONGAN SASAR** : Orang awam/pihak swasta/NGO/PBT


**KAEDAH HEBAHAN** : Laman web KPKT dan JPSPN

### PERATUSAN RESPONDEN YANG MEMBERIKAN MAKLUM BALAS MENGIKUT JANTINA



Sebanyak tiga maklum balas yang diterima daripada responden lelaki (37.5%) dan lima maklum balas daripada responden wanita (62.5%). Keseluruhan responden yang memberi maklum balas adalah 8 iaitu terdiri daripada pihak industri, NGO, universiti dan orang awam.

## MAKLUM BALAS YANG DITERIMA MENGIKUT WORKSTREAM



Workstream **Governance and Legislation** (37.5%) dan **Waste Facilities** (37.5%) masing-masing menerima tiga maklum balas. Manakala bagi Workstream **Market Creation** (12.5%) dan **Optimisation and Minimization of Solid Waste** (12.5%) masing-masing menerima satu maklum balas. Tiada maklum balas diterima bagi workstream **Public Cleansing**.

## OUTCOMES

- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (JPSPN) dengan kerjasama Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Makmal Pengurusan Sisa Pepejal dari 27 Mei sehingga 17 Jun 2015 bagi menambah baik pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Malaysia.
- Makmal tersebut telah berjaya mengumpul input daripada seratus lima puluh (150) orang wakil dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

- Hari Terbuka Makmal Pengurusan Sisa Pepejal Negara yang telah diadakan pada 25 Februari 2016 adalah bagi membentangkan dan mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan berhubung dapatan makmal tersebut. Sebarang maklum balas yang diterima akan dipertimbangkan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam yang telah dikenalpasti.
- Hasil daripada Makmal Pengurusan Sisa Pepejal 2015, iaitu di bawah skop *Governance and Legislation* JPSPN telah menubuhkan satu jawatankuasa pengurusan sisa di peringkat negeri bagi membincangkan isu-isu pengurusan sisa diperingkat negeri dengan lebih cepat dan berkesan.
- Salah satu inisiatif yang dibincangkan dalam makmal tersebut adalah untuk mengoptimalkan dan mengurangkan penjanaan sisa pepejal melalui program-program seperti pengasingan di punca dan meningkatkan kadar kitar semula negara bagi mencapai sasaran pengurangan pelupusan sisa pepejal ke tapak pelupusan sebanyak 40% menjelang tahun 2020.
- Kos penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam semakin meningkat setiap tahun. Pada tahun 2016, Kementerian menjangkakan kos penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 adalah berjumlah RM2.9 billion dan kira-kira 70% daripada kos tersebut adalah kos bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan awam. Oleh itu, kos penswastaan pengurusan sisa perlu dikurangkan melalui cadangan-cadangan berikut, iaitu dengan menyemak semula perjanjian konsesi pada tahun 2018, mengeluarkan kerja-kerja pembersihan awam daripada penswastaan dan meningkatkan penguatkuasaan terhadap syarikat konsesi, PBT dan masyarakat.
- Kaedah dan rangka kerja pengurusan kemudahan sisa pepejal semasa didapati tidak mampan. Oleh itu, perlunya pembinaan fasiliti-fasiliti pengurusan sisa pepejal yang bersepadu tanpa mengambil kira sempadan daerah atau Negeri.

- Tiada bantuan/ insentif khas kepada pihak swasta yang berminat untuk berkecimpung dalam industri pengurusan sisa pepejal. Bagi mengurangkan keterbergantungan kepada Kerajaan, perlu wujud satu saluran khas bagi memudahkan penglibatan dan penyertaan sektor swasta dalam rancangan pengurusan sisa sedia ada.